

08/02/2001

Contohi stesen TV negara jiran

Akmal Abdullah

STESEN televisyen di negara ini harus mengikut contoh pengendali stesen televisyen negara jiran, Thailand dan Indonesia yang berani mengangkat seni budaya bangsanya apabila banyak menyiarkan rancangan tempatan dan program import yang dialih suara.

Selain itu, pihak terbabit perlu ada kesedaran tinggi untuk mengangkat pemikiran dan budaya tempatan, selain membantu penerbit tempatan dalam menyediakan program untuk siaran TV.

Presiden Persatuan Penyiar Malaysia (Penyiar), Mazlan Abdul Hamid berkata, pihaknya bersikap terbuka terhadap program import dan ia masih boleh disiarkan tetapi jangan keterlaluan.

"Sudah tentu kita juga mahu tonton filem dan program asing untuk melihat hasil karya orang lain dan membuat perbandingan, selain ia usaha menepati selera penonton.

"Namun, jangan abaikan produk tempatan. Jangan ketepikan usaha karyawan dan penerbit tempatan. Stesen TV selalu cakap program tempatan kurang, sebaliknya kita boleh sediakan banyak penerbitan tetapi tidak diminta dan penerbit terpaksa tunggu giliran, malahan apabila ada produk stesen pula tidak mahu beli.

"Stesen TV tentu ada alasan tertentu. Perkara ini serius dan perlu diberi perhatian. Pengendali stesen TV sendiri kena ada kesedaran tinggi.

Jangan kita terlalu utamakan budaya orang lain seperti kata peribahasa kera di hutan disusukan, anak sendiri dibiarkan kelaparan.

"Peranan stesen TV sama ada kerajaan dan swasta amat penting untuk membantu meningkatkan pemikiran dan budaya tempatan selain menambahkan penerbitan tempatan. Tapi jika tidak diberi peluang lebih luas, stesen TV kita seperti jadi outlet orang luar," kata Mazlan.

Sehubungan itu Penyiar berharap Kementerian Penerangan perlu memandang lebih serius isu terlalu banyak program import menghiasi skrin TV tempatan kerana ia bercanggah dengan Dasar Kebudayaan Kebangsaan.

"Kalau nak siarkan program import, biarlah berpada tetapi lebihkan program tempatan sebab pelancong yang datang ke negara ini terkejut tengok siaran TV tempatan sebab tidak jelas imej Malaysia.

"Dalam kita mengejar wang ringgit, itu sangat penting tetapi jangan pula sampai maruah budaya kita tergadai. Pengendali TV tidak ada sikap kasih sayang terhadap budaya nasional. TV kita harus mempromosikan seni budaya kita, jangan utamakan wang semata-mata sebab ini soal maruah bangsa," katanya.

Tokoh budaya, Datuk Noordin Hassan, pula berkata Thailand, Indonesia dan Jepun sanggup membuat alih suara rancangan import dengan menggunakan bahasa kebangsaan masing-masing kerana semangat cintakan budaya bangsanya.

"Tetapi negara kita yang menggunakan bahasa Melayu masih belum mencapai maksudnya dari segi praktikal dan sekadar pada peringkat sekolah. Sebagai rakyat Malaysia, apakah kita nak jadi pelbagai jenis bangsa dan kita kira itu kena fikir. Slogan Takkan Melayu Hilang Di Dunia memang tidak hilang tetapi ia akan merayap dan mengemis di negara sendiri.

"TV adalah untuk masyarakat dan kerajaan juga wajar mencari cara lain untuk meningkatkan kebudayaan kita. Kita sudah nampak kerajaan buat macam-macam dan sejauh mana ia berjaya, ia belum pasti kerana ia berkait soal kesenian dan budaya bangsa yang bukan sekadar menari dan nyanyian.

"Tetapi, stesen TV jika terlalu pentingkan wang ringgit, akibatnya tergadailah sikit seni budaya kita. Nampaknya, Perdana Menteri, Datuk Seri

Dr Mahathir Mohamad kena tulis buku bertajuk Dilema Melayu yang kedua sebab dilema kita sekarang lagi teruk dan banyak kena kompromi.

"Tengok sajalah sekarang, pengaruh Bollywood sudah kuat masuk ke negara ini dan mulanya globalisasi. Filem dari Barat sudah sebatu dengan jiwa bangsa kita, dan kini masuk budaya dari negara lain pula.

"Terpulang kepada kerajaan untuk berbuat sesuatu dengan cara bijaksana untuk merubah suasana ini. Sikap orang Melayu kita kini berada dalam dilema semula. Malahan, sekarang lebih dasyat dan budaya kita juga terus terhakis kerana wang ringgit," kata Noordin yang juga Sasterawan Negara.

Kata Nordin, Dasar Kebudayaan Kebangsaan 1971 sudah berjaya di atas kertas dan ia sudah ada dan kelihatan cukup elok tetapi pelaksanaannya lemah sebab itu kini seni budaya bangsa berada dalam dilema.

"Isu rancangan import terlalu banyak di stesen di negara ini sudah lama berlaku dan ia terus dibiarkan. Ia berlaku kerana persaingan, jika RTM saja tentu boleh kawal tetapi kini kita ada TV swasta dan menyebabkan persaingan," kata Noordin.

(END)